

# Projek Amal Masjid Kg Marabau diumumkan juara projek amal

UB 15.2.2014 B6

Oleh SURAIDAH ROSLAN

**KOTA KINABALU:** Kumpulan yang menjalankan Projek Amal di Masjid Kg Marabau, Kota Belud diumumkan sebagai Juara Pertandingan Projek Amal sempena sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMS, di sini kelmarin.

Projek yang memperlihatkan wakil kumpulan itu melakukan kerja-kerja kemasyarakatan itu berjaya memenangi hati juri dan kumpulan berkenaan membawapulang hadian wang tunai bernilai RM3,000.

Sementara itu, Kumpulan yang melakukan Projek Kerja Amal di Masjid Al-Mujahiddin, Kg Gudon Menggatal pula memenangi tempat kedua dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2,000.

Pemenang tempat ketiga adalah wakil yang melaksanakan Program Amal di Kg. Tumau, Kota Belud dan mereka membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM1,600.

Sebanyak tujuh kumpulan mengambil bahagian dalam pertandingan projek amal berkenaan.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Harun Abdullah



**HARUN** (dua kanan) menyampaikan hadiah kepada wakil kumpulan yang menjalankan Projek Amal di Masjid Kg Marabau, Kota Belud, turut kelihatan Shariff (kanan), Abdullah (dua kiri) dan Murnizam (tiga kanan).

berkata, penganjuran sambutan Maulidur Rasul wajar di laksanakan setiap tahun bagi membuktikan komitmen serta sumbangan ke arah memartabatkan Ummah Nabi Muhammad SAW.

Katanya, tema sambutan 'Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah' pada tahun ini juga bertepatan dengan kesungguhan universiti ini untuk menyatukan fikiran dan menyeragamkan

tindakan dalam memacu kecemerlangan.

Beliau berharap sambutan seperti itu mampu melahirkan warga universiti yang saling berkasih-sayang dan bekerjasama walau berbeza pegangan agama.

Dalam majlis itu, terdapat persembahan Qasidah daripada pelajar Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz serta ceramah khas daripada Haslin Baharim atau dikenali sebagai Ustaz Bollywood.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Prof Dr Shariff Abd Kadir S Omang Al-Haj; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Prof Madya Datuk Dr Kasim Mansur; Pendaftar Datuk Abdullah Mohd Said; dan Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial merangkap Pengurus Jawatankuasa Pelaksana sambutan Majlis Maulidur Rasul UMS Dr Murnizam Halik.